



**TEKS UCAPAN**

**YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN  
KETUA PENGARAH  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**SEMPENA  
PERHIMPUNAN BULANAN AGENSI NUKLEAR MALAYSIA  
BIL.2/2024**

**ANJURAN  
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)**

**BERTEMPAT DI  
DEWAN TUN DR. ISMAIL**

**PADA  
1 MAC 2024 (JUMAAT)  
9.00 PAGI – 11.00 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Yang Berusaha Dr. Nor Pa'iza bin Mohamad Hasan  
Pengarah Bahagian Teknologi Industri  
Menanggung tugas Pengarah Kanan Pengkomersialan &  
Perancangan Teknologi

Yang Berusaha Dr. Shukri bin Mohd  
Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal  
Menanggung tugas Pengarah Kanan Pengurusan

Yang Berusaha Encik Azrul bin Abdul Wahab  
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan merangkap  
Pengerusi bagi Perhimpunan Bulanan Bil. 2/2024 kali ini.

Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengurus-Pengurus, Ketua  
Unit, Pegawai Kanan dan Kakitangan Agensi Nuklear Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, Bahagian Khidmat Pengurusan atas jemputan ini. Sebelum saya menyampaikan ucapan daripada Ketua Pengarah, izinkan saya menyampaikan salam YBrs. Dr. Rosli Darmawan, Ketua Pengarah kepada semua hadirin dan ucapan maaf kerana beliau tidak dapat hadir pada hari ini.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam Perhimpunan Bulanan Agensi Nuklear Malaysia Bil. 2/2024 yang dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan.
2. Saya dimaklumkan oleh pihak penganjur, Bahagian Khidmat Pengurusan untuk perhimpunan bulanan kali ini adalah bertemakan “BULAN PENGURUSAN DAN KESELAMATAN”. Selaras dengan tema hari ini, kita juga telah mengadakan acara mengangkat sumpah menyimpan kerahsiaan Kerajaan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) yang telah dipimpin oleh Tuan Syamil bin Khalid.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Sebentar tadi kita telah saksikan video montaj serta gimik yang memaparkan kaedah serta tatacara pengurusan dan pentadbiran berkaitan keselamatan perlindungan. Pengurusan dan keselamatan ini amat berkait rapat lebih-lebih lagi kita semua berada di sebuah jabatan yang kritikal yang mana kebanyakan maklumat dan dokumen boleh ditakrifkan sebagai dokumen sensitif dan terperingkat.

Tuan-tuan dan Puan-puan Hadirin Sekalian,

### **Senario Perubahan Persekitaran**

4. Dunia tanpa sempadan telah memberi kesan kepada suasana politik, ekonomi, sosial dan keselamatan. Bidang keselamatan kini dipengaruhi oleh penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang meluas, infrastruktur yang mantap, aliran modal yang besar serta sumber manusia yang cekap. Senario ini memberi cabaran baru kepada Agensi Nuklear Malaysia dan menimbulkan landskap baru risiko dan ancaman keselamatan.
5. Perkembangan teknologi memerlukan warga kerja yang berpengetahuan lebih tinggi. Semua warga Nuklear Malaysia perlu sentiasa peka dengan perkembangan

teknologi semasa. Kita perlu selangkah ke hadapan dalam mengenal pasti perubahan budaya perkhidmatan awam dan kemunculan ancaman keselamatan baharu yang berteraskan teknologi.

### **Keselamatan Perlindungan**

6. Sepertimana yang Tuan/Puan sedia maklum, di dalam **Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 (DTNN 2030)** juga ada menggariskan enam sektor utama dan untuk sektor keenam ialah **“Keselamatan dan Sekuriti Nuklear”**.
7. Nuklear Malaysia telah disenaraikan sebagai Sasaran Penting Keutamaan 1 dan juga telah diwartakan di bawah Akta Kawasan Larangan & Tempat Larangan (KLTL) 1959 Akta 298. Di bawah Akta ini, Kerajaan dan juga pihak berkuasa memberi perhatian serius terhadap agenda keselamatan di sini memandangkan kita menjalankan operasi penyelidikan yang menggunakan tenaga Nuklear.
8. Elemen Keselamatan Perlindungan perlu dibudayakan dalam persekitaran kerja tuan-tuan dan puan-puan. Pengurusan Keselamatan Perlindungan dibahagikan kepada 5 perkara utama iaitu :

1. Keselamatan Dokumen Rahsia Rasmi
  2. Keselamatan Fizikal
  3. Keselamatan Peribadi/Personel
  4. Keselamatan Dokumen dalam persekitaran ICT
  5. Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan
9. Kesemua elemen pengurusan keselamatan perlindungan yang saya sebutkan jika dapat kita fahami dan seterusnya dilaksanakan di Bahagian masing-masing, insya-Allah kita akan berada dalam keadaan yang selamat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga Nuklear Malaysia sekalian,

### **Perkhidmatan Awam**

10. Seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI dan “The G.R.E.A.T *Civil Service*”, YBhg. Dato’ Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) telah memperkenalkan H.E.M.A.T yang membawa dua (2) maksud iaitu sikap penjawat awam dalam membelanjakan dana awam secara berjimat-cermat dan tidak boros. Dari segi sifat pula H.E.M.A.T merujuk kepada cara penjawat awam menjalankan tugas dengan pengamatan dan penelitian secara mendalam.

11. Berlandaskan pegangan ini, warga Nuklear Malaysia haruslah menjalankan amanah mengikut tiga (3) prinsip utama iaitu:-

- I. *Facilitate* - Memudahkan urusan stakeholders dan pelanggan,
- II. *Accommodate* - Menyesuaikan cara kerja selari dengan agenda Kerajaan dan
- III. *Accelerate* – Menyegerakan pelaksanaan segala keputusan Kerajaan

Saya menyeru agar semua warga Agensi Nuklear dapat bersama-sama mengaplikasikan prinsip ini. Cubalah yang terbaik untuk betul-betul melaksanakan tugas, bukannya sekadar melaksanakannya untuk cepat selesai semata-mata. Kita adalah tonggak negara, cerminan Kerajaan.

### **Berkhidmat Secara Profesional**

12. Pentadbiran awam memberi penekanan kepada beberapa prinsip teras iaitu profesionalisme, kecekapan, keberkesanan, kebertanggungjawaban, akauntabiliti, berkecuali, kepentingan awam dan sebagainya. Prinsip teras ini penting bagi menjamin institusi perkhidmatan awam sebagai tonggak atau jentera pentadbiran kerajaan

berada dalam keadaan yang baik, teguh dan dihormati. Dalam sistem demokrasi, apabila berlaku pertukaran dalam tampuk pemerintahan (kerajaan), penjawat awam hendaklah berkhidmat secara profesional kepada *government of the day* demi kebajikan, kesejahteraan dan keharmonian rakyat.

### **Integriti Sentiasa Diutamakan**

13. Integriti dalam kalangan penjawat awam amat penting kerana ia menjadi penentu imej, kredibiliti dan reputasi perkhidmatan awam, kerajaan dan negara. Sebarang perbuatan atau tindakan penjawat awam yang bertentangan dengan undang-undang, peraturan dan sebagainya bukan sahaja menjejaskan penjawat awam tersebut malah perkhidmatan awam secara keseluruhannya.
14. Budaya kerja yang berintegriti juga adalah faktor kecemerlangan dalam perkhidmatan awam. Kita perlu memastikan semua maklumat rahsia rasmi jabatan sentiasa berada dalam keadaan yang terkawal dan tidak disampaikan kepada yang tidak berkenaan.
15. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Tuan-tuan dan Puan-puan supaya melaksanakan apa jua tugas yang



diberikan dengan penuh **amanah dan berintegriti**, serta tidak sesekali mengutamakan kepentingan diri sendiri. Integriti bukan sekadar bermaksud menghindari daripada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan wang ringgit malah, pengertiannya juga perlu diperluaskan dalam aspek pengurusan masa, pengurusan perkhidmatan yang terbaik, bermaklumat semasa berkomunikasi dengan ketua jabatan, rakan sekerja, pelanggan dan rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

16. Selaku Pegawai Kerajaan, Tuan-tuan dan Puan-puan tidak boleh kekal selesa pada tahap pencapaian sedia ada. Ekspektasi pemegang taruh dan pelanggan terhadap perkhidmatan berkaitan teknologi nuklear semakin hari semakin tinggi dan ini sudah tentunya memerlukan kita sentiasa **responsif, relevan, cekap, cepat dan berkesan** dalam memenuhi permintaan dan harapan mereka.

## Pengurusan Perubahan

17. Pengurusan perubahan merujuk kepada penggunaan pendekatan khusus bagi mengubahsuai sistem organisasi untuk mencapai matlamat. Penjawat awam hendaklah berusaha membuat perubahan dari semasa ke semasa bagi menyelaraskan matlamat, objektif, sasaran dan sebagainya ke arah yang lebih baik dan berdaya maju. Penjawat awam adalah penggerak perubahan dan penentu masa depan negara.
  
18. Pengurusan perubahan penting bagi membolehkan kita membuat perubahan terhadap komponen yang kritikal bagi melancarkan sistem dan operasi organisasi supaya lebih cekap dan berkesan serta memberi faedah yang maksimum.
  
19. Dalam konteks ini, sebagai penjawat awam kita perlu memberikan komitmen yang tinggi terhadap mengurus perubahan, menjadi peneraju perubahan dan mengelakkan amalan *work in silo*. Selain itu, seluruh warga Agensi Nuklear harus sentiasa berusaha memperkemaskan perkhidmatan untuk memenuhi permintaan rakyat dengan memfokuskan kepada *service*

*delivery reform, human resources management reform, institutional reform and fiscal reform.*

20. Dalam memberikan khidmat kepada pemegang taruh dan pelanggan, kita akan sentiasa berhadapan dengan pelbagai persepsi negatif dan halangan dari pelbagai pihak. Terimalah perkara sebegini sebagai motivasi dan semangat ke arah memulakan perubahan minda kita sendiri. George Bernard Shaw mengatakan: ***“Progress is impossible without change, and those who cannot change their minds cannot change anything.”***

Tuan-tuan dan Puan-puan,

### **Tingkatkan Kompetensi**

21. Kompetensi merujuk kepada kebolehan, kecekapan dan kemahiran (generik, fungsional dan teknikal) yang perlu ada bagi memudahkan pelaksanaan sesuatu tugas dengan jayanya. Peningkatan kebolehan, kecekapan dan kemahiran penjawat awam bukan sahaja penting untuk memudahkan kita semua melaksanakan tugas masing-masing malah kebolehan, kecekapan dan kemahiran yang ada boleh dikongsi dengan agensi kerajaan yang lain bagi meningkatkan pembangunan keupayaan agensi yang

menyumbang kepada pembangunan organisasi yang cemerlang dan perkhidmatan awam yang mampan.

22. Pembangunan kompetensi kepimpinan adalah satu proses berterusan tanpa kesudahan. Laksanakan tanggungjawab dengan penuh ikhlas serta gigih dalam menghadapi cabaran. Insyaa-Allah, tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan menerima ganjarannya bila tiba masanya. Usaha dan pengorbanan kita pasti akan membuahkan hasil kepada diri kita khususnya dan Agensi Nuklear Malaysia serta Kerajaan Malaysia amnya.

## **Penutup**

23. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada Bahagian Khidmat Pengurusan dan semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam menjayakan Perhimpunan Bulanan Agensi Nuklear Malaysia Bil. 2/2024 ini. Syabas dan tahniah diucapkan. Semoga majlis sebegini dapat memberi manfaat dan ruang yang seluasnya kepada kita semua dalam memastikan aspirasi negara dapat dicapai dan Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 khususnya

dapat direalisasikan. Semoga kita dapat berjumpa lagi pada perhimpunan bulanan akan datang dan Selamat Menjalani Ibadah Puasa yang akan disambut tidak lama lagi.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.